

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/3/2013

# 'Khuatir gelagat Anwar'

UM - 9/3/2013

MARANG 9 Mac - Lagu *Tanya Sama Pokok* yang diubah suai liriknya dan dinyanyikan semula oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan seolah-olah ketua pembangkang itu cuba memutarbelitkan keadaan untuk keuntungan dirinya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, justeru, beliau khuatir dengan gelagat Anwar terutamanya selepas Ketua Umum PKR itu mengadakan pertemuan dengan bekas pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur Misuari.

"Bila dia (Anwar) berjumpa dengan Nur Misuari, dia sering berkata BN (Barisan Nasional) akan hilang... bukan kalah. Hilang Sabah... Jadi, apa yang dimaksudkannya dengan hilang?"

"Apakah Sabah akan 'terlepas' dari negara kita atau cuma BN saja yang kalah? Cara dia bercakap ini memang nampak dia cuba untuk putar belit bagi mendapatkan sesuatu untuk dirinya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri program Amanat Negarawan Kepada Rakyat di Dewan Majlis Daerah di sini hari ini.